



Syarat-syarat Penggunaan Kem Perah

- Pengguna diingatkan untuk sentiasa mengamalkan sikap kerjasama dan toleransi dengan tidak mengganggu keselesaan pengguna-pengguna lain.
- Hanya makanan halal dibenarkan dibawa masuk ke kawasan perkhemahan.
- Jika berkhemah secara berkumpulan, ketua rombongan bertanggungjawab ke atas kelakuan ahli kumpulannya.
- Keselamatan diri dan harta benda pengguna adalah tanggungjawab sendiri.
- Pengguna tapak perkhemahan boleh diarah meninggalkan kawasan ini tanpa pemulangan wang tempahan sekiranya melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan atau mengingkari arahan penyelia tapak.

Kemudahan Yang Disediakan

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> Dewan Serbaguna Tapak Perkheman A-Hut Tandas Tapak BBQ | <ul style="list-style-type: none"> Tempat Memasak Tapak Unggun Api Larian berhalangan Pejabat dengan kemudahan asas |
|--|---|

Aktiviti Yang Boleh Dijalankan

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> Lawatan berpandu ke denai-denai alam Night Walk | <ul style="list-style-type: none"> Nature Hunt Titian Silara Compass Marching |
|--|--|

Sewaan Dan Bayaran

	Institusi Pendidikan	Kerajaan / Sosial	Swasta
Tapak Khemah	RM300	RM500	RM1000
A-Hut	RM50	RM50	RM50
Khemah	RM30	RM30	RM30



Salah satu kemudahan yang terdapat di Kem Perah



Program yang diadakan di Kem Perah



Khidmat Jurupandu

- Setiap aktiviti yang dijalankan di luar kawasan kem hendaklah menggunakan khidmat jurupandu FRIM (satu kumpulan dan tidak melebihi 30 orang untuk seorangan jurupandu).
- Khidmat jurupandu akan dikenakan bayaran sebanyak RM150 bagi setiap aktiviti. Dua orang jurupandu diperlukan bagi aktiviti night walk (RM250 untuk aktiviti di waktu malam).
- Setiap pelawat adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan diri dan harta benda masing-masing. FRIM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan, kehilangan, kemalangan atau kecederaan yang mungkin berlaku.



Kemudahan A-hut yang terdapat di Kem Perah.

Biar pun aktiviti lasak dan mencabar mahupun aktiviti yang berbentuk pendidikan alam semula jadi, Kem Perah FRIM adalah tempatnya. Hanya 16 km dari pusat bandar dan anda akan rasai pengalaman rimba yang sebenar!


Kem Perah dinamakan bersempena pokok Perah (*Elateriospermum tapos*) yang banyak terdapat di sekitar kawasan kem. Lokasinya yang terletak di kaki bukit dengan dikelilingi oleh kehijauan pokok, ditambah dengan bunyi-bunyian hutan telah menjadikan kawasan ini amat sesuai bagi mereka yang ingin pengalaman perkhemahan rimba yang sebenar.

Mula beroperasi pada Mei 2001, kem ini telah menerima ramai pengunjung dari dalam dan luar negara. Kem ini dilengkap dengan kemudahan asas bagi keselesaan pengunjung tanpa mengacatkkan pengalaman rimba mereka.



Kerja-kerja amal amal dialu-alukan di Kem Perah

Lokasi Kem Perah



Pertanyaan :

Putus Perkhidmatan Setempat FRIM (PPS)
Tel : 603 - 6279 7575 Faks : 603 - 6280 4619
Emel : FRIM_Enquiry@frim.gov.my

No. keluaran : 1
Tarikh keluaran : 1 Februari 2012
Disediakan oleh : Program Ekopelancongan dan Hutan Bandar



Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Malaysia

52109 Kepong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

603 - 6279 7000 603 - 6273 1314 www.frim.gov.my



Kem Perah

*Alam semulajadi dan anda
...alamilah sendiri!*